

# PERJANJIAN SEMPADAN SELANGOR - SUNGAI UJUNG

Pada hari ini dalam tahun 1878, satu perjanjian mengenai sempadan negeri Selangor dan Sungai Ujung dibuat di antara Sultan Abdul Samad, Yang di-Pertuan Negeri Selangor dengan Dato' Kelana Sungai Ujung, Tengku Saiyid Abdul Rahman. Perjanjian itu antara lain menyatakan bahawa:-

*Pertama:* Dengan nasihat Kapten Bloomfield Douglas (Residen British di Selangor) Sultan Abdul Samad, bagi pihak dirinya, dan puteranya Raja Musa atau sesiapa juga penggantinya yang akan ditabalkan sebagai Sultan dan waris-warisnya, mulai saat itu mengaku bahawa kawasan Lukut yang pada masa itu diperintah oleh Raja Bot dan semua kawasan tanah dalam Sungai Raya yang sekarang diperintah oleh Raja Daud, yang kesemuanya itu adalah di bawah kekuasaan Sultan Abdul Samad.

*Kedua:* Dengan nasihat Kapten Murray (Residen British di Sungai Ujung), Tengku Saiyid Abdul Rahman bagi pihak dirinya, pengganti-penggantinya dan waris-warisnya atau sesiapa juga yang memerintah Sungai Ujung dan bergelar Dato' Kelana, mengaku bahawa mulai dari saat itu kawasan yang terletak di Seberang Tebing Sungai Langat bernama Rekoh dan semua tanah bernama Labu adalah diserahkan kepada Sultan Abdul Samad Selangor, pengganti-penggantinya dan waris-warisnya untuk selama-lamanya.

Bagaimanapun, perjanjian itu telah dibantah oleh Raja Bot yang memerintah Lukut kerana beliau tidak diajak berunding mahupun diminta pendapatnya dalam rundingan mengenai perjanjian itu. Raja Bot membantah keras mengenai keputusan memasukkan Lukut dalam perintah Sungai Ujung kerana daerah itu adalah kepunyaan ayahandanya, Raja Jumaat, yang telah diberikan oleh Almarhum Sultan Muhammad pada tahun 1846.